

04/06/1998

KL-PRT dapat pinjaman RM300 juta

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan mengesahkan pemberian pinjaman mudah kira-kira RM300 juta kepada KL-PRT Sdn Bhd (KL-PRT) untuk meneruskan pembinaan projek Monorel Kuala Lumpur yang terbengkalai berikutan kegawatan ekonomi.

Selain itu, kerajaan membenarkan KL-PRT melaksanakan Tawaran Awam Permulaan (IPO) bagi projek infrastruktur di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) untuk membolehkan syarikat mengumpul dana tambahan bagi melaksanakan projek terbabit.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata berikutan masalah kewangan yang dihadapi syarikat, kos pembinaan keseluruhan dikurangkan. Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan kos baru itu.

Beliau berkata, maklumat terbaru yang diperolehinya ialah syarikat sudah menyambung semula pembinaan projek berkenaan di beberapa kawasan tertentu di ibu kota.

"Kerajaan sudah membuat keputusan bulan lalu untuk membenarkan KL-PRT mengadakan IPO bagi infrastruktur yang akan membantu mereka mengumpul modal untuk menyambung semula projek itu.

"Selain itu, kerajaan memutuskan pemberian pinjaman mudah. Jadi mereka mempunyai dua cara untuk mengumpul dana berkenaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Kabinet di sini, hari ini.

Sebelum ini, majalah Far Eastern Economic Review melaporkan kerajaan meluluskan pinjaman RM400 juta kepada KL-PRT untuk meneruskan projek berharga RM2 bilion itu.

Projek monorel itu dihentikan pembinaannya Mac lalu berikutan syarikat menghadapi masalah kewangan walaupun pemasangan cerucuk sudah dimulakan. Ia menyebabkan kesesakan lalu lintas teruk di ibu kota.

Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan mengkaji permintaan daripada kontraktor projek monorel Kuala Lumpur bagi mendapatkan beberapa bentuk bantuan kewangan.

Dr Ling berkata, kerajaan memutuskan bahawa pinjaman mudah itu membabitkan RM300 juta tetapi tidak menolak kemungkinan ia lebih tinggi daripada itu.

Mengenai pelaksanaan IPO, beliau menjelaskan kertas cadangan mengenainya sudah dihantar kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC), baru-baru ini.

Beliau berkata, kerajaan turut mencadangkan supaya KL-PRT membangunkan teknologi rel tempatan atau meminjam teknologi asing yang boleh disesuaikan dengan kehendak domestik.

"Dengan menggunakan konsep itu, syarikat berkenaan boleh memasarkan teknologi terbabit ke luar negara," katanya sambil menamakan Amerika Syarikat (AS) sebagai antara negara yang memiliki teknologi monorel canggih.

Ditanya sama ada perkembangan terbaru itu membolehkan segmen tertentu projek monorel itu disiapkan menjelang Sukan Komanwel September ini, Dr Ling enggan mengulas.

(END)